



TAUFIQ

UMS ambil langkah siap siaga hindari Koronavirus

UB 5/02/20 1

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil perhatian serius terhadap usaha menghindari penularan jangkitan 2019 Novel Coronavirus (2019-nCoV) dalam kalangan warganya.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS melalui Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) telah menempatkan petugas kesihatan untuk membuat saringan kesihatan di Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC) berdekatan dengan pintu masuk utama UMS khususnya pelancong asing yang datang melawat universiti ini.

“Pada masa sama, UMS juga mengadakan War Room, membuat jelajah ke setiap fakulti dan jabatan UMS oleh Infectious Disease Preparedness Committee untuk tujuan memberikan kesedaran kepada warga UMS.

“Selain itu kita mengadakan mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan 2019-nCoV UMS dan mesyuarat koordinasi HUMS secara berkala, serta mengadakan kemas kini pengetahuan bagi kakitangan di Pusat Kesihatan Universiti,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

◆ Lihat Muka 2

UMS ambil langkah siap siaga hindari Koronavirus

► Dari Muka 1

Taufiq berkata, UMS juga menyambut baik langkah Kerajaan Negeri Sabah mengangut sementara semua penerbangan dari China ke Sabah dalam usaha membendung penularan wabak Koronavirus di negeri ini sebagaimana diumumkan oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Christina Liew, yang berkuat kuasa serta-merta pada 30 Januari 2020.

Katanya, pendaftaran pelajar antarabangsa bagi pelajar kemasukan baharu pasca-siswazah yang turut melibatkan pelajar warganegara China yang dijadualkan pada 8 Februari 2020 telah ditang-

guhkan sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

“Bagi pelajar antarabangsa sedia ada dan sepatutnya kembali untuk menyambung semula pengajian Semester 2 Sesi 2019/2020 mereka pada 10 Februari 2020, kemasukan mereka ke UMS juga telah ditangguhkan.

“Namun, pihak universiti akan berusaha menyediakan mekanisme pembelajaran alternatif bagi membolehkan mereka mengikuti kuliah dan tidak ketinggalan dalam pengajian mereka,” jelasnya.

Bagaimanapun pelajar antarabangsa terutamanya dari negara China yang telah berada di Sabah, Taufiq

menjelaskan bahawa UMS telah mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengurus dan memantau kesihatan mereka yang merangkumi pemeriksaan saringan kesihatan di Pusat Rawatan Warga UMS sebaik mereka tiba di Kota Kinabalu/Labuan.

Katanya, pengasingan selama 14 hari untuk tujuan pemantauan oleh pegawai perubatan Hospital UMS menggunakan Home Assessment Tool (HAT) akan dilaksanakan bagi memastikan hanya pelajar antarabangsa yang disahkan sihat sahaja dibenarkan untuk menyambung pengajian mereka di UMS.